

PerakEXcellent



Program
Amanjaya Gemilang UPSR
TAHUN 2017

BAHASA MELAYU

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK | 2017

KEFAHAMAN

RENCANA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari ini, remaja sering didedahkan dengan pelbagai bahan bacaan. Bahan bacaan ini boleh didapati di perpustakaan sekolah, perpustakaan awam dan kedai buku. Minat membaca ini hendaklah dipupuk sejak kecil. Bak kata pepatah Melayu, ‘melentur buluh biarlah dari rebungunya’.

Sesetengah remaja menjadikan amalan membaca sebagai hobi pada masa lapang. Amalan membaca ini memberikan banyak faedah kepada remaja. Antaranya, mereka juga dapat mengetahui isu-isu semasa yang berlaku di dalam dan di luar negara. Oleh itu, mereka tidak akan menjadi **seperti katak di bawah tempurung**. Minat membaca juga turut membantu remaja bertutur dan menulis dengan baik. Hal ini demikian kerana ilmu yang diperoleh akan membentuk keyakinan dalam diri mereka.

Ibu bapa merupakan pendorong yang utama untuk memupuk minat membaca dalam kalangan anak mereka. *Ibu bapa juga haruslah menunjukkan sikap suka membaca* dan membelikan bahan bacaan yang sesuai dengan tahap umur anak-anak. Lazimnya, kanak-kanak gemar membaca buku-buku cerita yang mengandungi gambar berwarna-warni. Selain itu, ibu bapa yang berkemampuan perlu menyediakan perpustakaan mini di rumah.

1 Bahan bacaan boleh didapati di _____ .
[1 markah]

2 Bagaimanakah cara untuk menggalakkan kanak-kanak membaca?

[2 markah]

- 3 Apakah faedah yang diperoleh daripada membaca?
- A Dapat menyediakan perpustakaan mini.
 - B Dapat membeli buku yang bergambar dan berwarna-warni.
 - C Dapat melawat di dalam dan di luar negara.
 - D Dapat membantu bertutur dan menulis dengan baik.
- 4 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan di atas.
- A Minat membaca dapat dipupuk sejak remaja lagi.
 - B Semua ibu bapa perlu menyediakan perpustakaan mini di rumah.
 - C Amalan membaca ini menjadikan kita seperti katak di bawah tempurung.
 - D Ibu bapa merupakan pendorong utama untuk memupuk minat membaca.

• Modul TEMATIK •

- 5 Ibu bapa juga haruslah menunjukkan sikap suka membaca.
Berikan pendapat kamu tentang maksud ayat di atas.

[3 markah]

TATABAHASA

KATA NAMA

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kata orang tua-tua, banyak makan _____ bererti banyak pengalaman hidup.
A hati B gula C ubat D garam
- 2 _____ ialah hasil kraf tangan yang diminati oleh para pelancong
A Batik B Gamelan C Dodol D Zapin
- 3 _____ Puan Zarin yang kemas dan cantik menarik perhatian ramai.
A Nyanyian B Pakaian C Tarian D Masakan
- 4 Mak Nani sedang menuang air ke dalam _____ itu.
A kekisi B gegantung C lelabu D bebuli
- 5 Ketibaan tetamu kehormat itu telah diumumkan oleh _____ dengan suara yang lantang.
A juruulas B jurucakap C juruacara D juruhebah
- 6 Dalam cerita zaman dahulu, Sang Kancil ialah seekor _____ yang pintar.
A orang B makhluk C haiwan D ternakan
- 7 _____ kelapa yang berkaparan di tepi pantai itu telah dikutip oleh Pak Abu.
A Akar B Pelepah C Batang D santan
- 8 Pembinaan tukun tiruan di perairan negara ini telah berjaya menambahkan hasil tangkapan _____.
A pesawah B nelayan C penoreh D petani

• Modul TEMATIK •

LATIHAN B

Garisi **kata nama** yang sesuai.

- 1 Sikap (pemurah / peramah) Pak Salim menyebabkan kanak-kanak sangat suka kepadanya.
- 2 (Pengkritik / Penghibur) filem tempatan menyifatkan kemenangan filem itu memang tepat.
- 3 Dalam (keheningan / keceriaan) subuh itu, Pak Ya sudah keluar mencari rezeki.
- 4 Banyak pekerja kilang terpaksa diberhentikan akibat (kegawatan / kesempitan) ekonomi.
- 5 Lori yang membawa sampah itu menuju ke kawasan (penyimpanan / pelupusan) sampah.

LATIHAN C

Tandakan (✓) pada ayat yang betul penggunaan kata nama khas dan tandakan (✗) pada penggunaan yang salah.

1	Abang saya memiliki kereta Proton Perdana.	
2	Berita Harian ialah majalah kesukaan kanak-kanak.	
3	Mereka pernah mengunjungi Muzium Negara.	
4	Kuala Lumpur ialah Bandar di-Raja negeri Perak Darul Ridzuan.	
5	Ayah membelikan saya kasut Toyota.	

TATABAHASA

PENJODOH BILANGAN

LATIHAN A

Pilih jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 Puan Che Tom menghidangkan dua _____ sup di atas meja untuk makan tengah hari
A senduk B mangkuk C bungkus D belanga
- 2 Ibu meletakkan beberapa _____ tomato untuk dimakan bersama-sama nasi ayam.
A ketul B hiris C kerat D keping
- 3 Dalam pertandingan bahas itu, pengerusi memulakan majlis dengan membaca _____ pantun.
A serangkap B sepatah C serangkai D sebaris
- 4 Kelihatan _____ lembu sedang meragut rumput di padang.
A sekelompok B sepasukan C sekawan D segerombolan
- 5 Nenek menaburkan beberapa _____ padi kepada ayam-ayamnya.
A biji B tangkai C genggam D gemal

• Modul TEMATIK •

- 6 Setiap pagi Laila akan menghantar _____ kuih-muih ke gerai Mak Cik Timah untuk dijual.
A selongkok **B** sebakul **C** setimbun **D** sebiju
- 7 Dalam tiga _____ durian itu, terdapat beberapa _____ yang busuk.
A buahbiji **B** ulaspangsa
C biji ulas **D** pangsabuah
- 8 Pengunjung chalet diberi joran dan beberapa _____ mata kail sekiranya mereka ingin memancing.
A batang **B** urat **C** rawan **D** bentuk

LATIHAN B

Tanda ☒ pada **penjodoh bilangan** yang sesuai.

1. Mak Cik Ani membeli tiga puluh

cucuk	
batang	

 sate untuk anak-anaknya di pasar malam.
2. Petani itu menggunakan lima

gulung	
gelung	

 dawai untuk memagari kawasan kebunnya.
3. Pihak polis marin dapat mematahkan cubaan menculik oleh

segerombolan	
sekumpulan	

 lanun di pantai timur Sabah.
4. Perempuan itu menggunakan beberapa

buku	
helai	

 songket.

benang emas	
untuk dijadikan kain	
5. Orang ramai dinasihati supaya tidak membuang

batang	
puntung	

 rokok di merata-rata tempat sesuka hati.
6. Pak Man memikul

sisir	
setandan	

 pisang yang baru diambil dari kebunnya.
7. Pengemis itu belum menjamah walaupun

sesuap	
sebuku	

 nasi sejak dua hari lalu.
8. Emak membeli tiga

papan	
keping	

 petai di pasar pagi untuk dijadikan ulam.

• Modul TEMATIK •

LATIHAN C

Isi tempat kosong dengan **penjodoh bilangan** yang sesuai.

kerat	ketul	sebatang	buah	cubit
segenggam	biji	sebakul	secekak	gugus

Mak Siti sudah lanjut usianya. Namun tubuh badannya masih lagi kuat. Setiap pagi dia suka menyiram pokok-pokok bunga di halaman rumahnya. Pokok-pokok bunga itu akan ditabur dengan _____ baja. Selepas membaja, dia menggembur tanah dengan menggunakan _____ sudip tanah.

Tujuannya supaya pokok-pokok itu dapat hidup subur. Selepas melihat pokok-pokok bunga, dia pergi ke kebun yang terdapat di belakang rumahnya. Dia mengutip _____ pucuk ubi untuk dijadikan ulam. Dia juga mengambil dua _____ petola untuk dibuat sayur lemak. Mak Siti bercadang menggoreng beberapa _____ ikan tongkol sebagai menu makan tengah harinya.

LATIHAN D

Tanda (✓) bagi **ayat yang betul** dan (✗) bagi **ayat yang salah** dalam kotak yang disediakan.

1	Pak Mail menggunakan beberapa ruas buluh untuk membuat rakit.	
2	Ibu menggunakan tiga titis pewarna merah untuk membuat kuih lapis.	
3	Lim meletakkan segugus kunci di atas mejanya apabila tiba di rumah.	
4	Abang memasukkan sesenduk garam halus ke dalam mangkuk sup yang hendak dimakannya.	
5	Pihak polis menjumpai secebis kain yang dipercayai kepunyaan mangsa yang hilang itu.	

TATABAHASA

JENIS AYAT DAN RAGAM AYAT

LATIHAN A

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (✗) pada ayat salah tatabahasanya.

1	Di zaman sains dan teknologi, tenaga robot akan digunakan untuk menggantikan manusia.	
2	Adik siapakah yang menangis di luar kelas itu?	
3	Sila jangan conteng dinding di dalam bilik tidur.	
4	Harga sebotol air mineral itu berapa?	
5	Nah, terima hadiahku ini!	

LATIHAN B

Padankan pernyataan di bawah.

Ayah saya sedang mengecat basikal di belakang rumah.

Loceng itu dibunyikan oleh Mokhsin apabila disuruh oleh guru kelasnya.

Semalam saya telah mengirinkan e-mel kepada Puan Aini untuk bertanyakan khabar.

Sayur-sayuran dikebun telah disiram oleh abang Zakuan.

AYAT AKTIF

AYAT PASIF

KEFAHAMAN

FAKTA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terdapat pelbagai jenis makanan yang boleh kita ambil bagi memastikan kesihatan kita pada tahap terbaik. Pada masa kini, kita boleh mendapatkan sumber makanan yang pelbagai agar kesihatan kita terjamin.

Susu kambing ialah makanan semula jadi yang berkhasiat dan diperlukan untuk kesihatan badan. Susu kambing sesuai untuk semua lapisan umur. Susu ini boleh diminum panas atau sejuk malah boleh dibuat dadih, aiskrim, keju dan mentega.

Telur Omega-3 ialah telur yang diperkaya dengan segala khasiat untuk mereka yang pentingkan kesihatan. Telur ini dihasilkan oleh ayam daripada baka yang terbaik. Seperti juga telur-telur ayam lain yang kaya dengan protein, vitamin dan mineral. Telur Omega-3 mempunyai khasiat yang sama tetapi memberikan sumber khasiat tambahan iaitu asid lemak Omega-3 dan vitamin E.

Epal pula merupakan makanan yang membekalkan khasiat bagi mengurangkan kandungan kolesterol dalam badan. Kajian menunjukkan epal mengandungi elemen kesihatan “*phytonutrient*” yang boleh melambatkan pengoksidaan kolesterol yang tidak baik. “*Phytonutrient*” merupakan satu proses yang berperanan dalam menghalang penyakit jantung. Kanak-kanak yang makan makanan segera dan kemudian makan epal atau minum jus tersebut, sebenarnya menyeimbangkan kandungan zat dan mencegah berlaku lemak dalam badan.

Selain itu, ikan salmon mempunyai khasiat sebagai makanan untuk kesihatan kulit. Ikan salmon dapat menghalang kedutan pada kulit dan memelihara kulit agar tetap sihat dan halus. Salmon ialah ikan yang kaya dengan lemak tak tepu Omega-3 yang dapat mengurangkan pengeluaran partikel penyebab radang dalam tubuh yang boleh merosakkan kulit.

1 Susu kambing sesuai dijadikan pelbagai produk makanan seperti _____

[1 markah]

2 Mengapakah telur Omega-3 dikategorikan sebagai makanan yang berkhasiat?

- | | |
|---|---------------------------------|
| A Kaya dengan protein, mineral dan vitamin. | C Mengandungi khasiat tambahan. |
| B Diproses daripada haiwan terpilih. | D Mengandungi vitamin E. |

3 Apakah kebaikan buah epal kepada manusia?

- A Mengelakkan kandungan kolesterol dalam badan.
- B Melambatkan kandungan kolesterol dalam badan.
- C Mengurangkan kandungan kolesterol dalam badan.
- D Menyeimbangkan kandungan kolesterol dalam badan

• Modul TEMATIK •

- 4 Apakah persamaan yang terdapat dalam ikan salmon dan telur yang dihasilkan oleh baka ayam terpilih?

[2 markah]

- 5 Andaikan kamu seorang pegawai perubatan, apakah saranan kamu kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan?

Berikan saranan kamu dan jelaskan.

[3 markah]

TATABAHASA

KATA GANTI NAMA

LATIHAN A

Pilih jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 “Sebagai calon UPSR tahun ini, _____ perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperoleh 6A dalam UPSR,” ujar Cikgu Masyitah kepada Tasnim.
A awak B kalian C beliau D engkau
- 2 Cikgu Hasanah terharu kerana _____ telah terpilih untuk menerima Anugerah Tokoh Guru Peringkat Negeri Perak.
A baginda B dia C beliau D saya
- 3 “Peraduan ini terbuka kepada semua pendengar Radio Ceria dan _____ diminta untuk menulis nama serta alamat dengan jelas,” kata juruhebah itu.
A kamu B kalian C kita D anda
- 4 “Raja Muda Perak akan berangkat ke Masjid Al-Falahiah untuk menunaikan solat Jumaat. _____ dijangka tiba pada pukul 12.30 tengah hari,” kata pegawai istana yang bertugas kepada ketua kampung.
A Patik B Tuanku C Baginda D Beta

● Modul TEMATIK ●

5 Pilih ayat yang betul.

- i. “Kita hendaklah sentiasa menyiapkan kerja sekolah,” nasihat Cikgu Badrin.
- ii. “Kalian perlu menghormati orang yang lebih tua,” pesan ibu kepada anak-anaknya.
- iii. “Patik akan segera melaksanakan perintah baginda,” sembah Hang Nadim.
- iv. “Kami berjanji untuk belajar dengan bersungguh-sungguh,” ikrar calon-calon UPSR SK Padang Asam.

A i dan ii B ii dan iii C ii dan iv D iii dan iv

LATIHAN B

Pilih kata ganti nama diri yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 “Saya mahu (kita , kami) berjuang habis-habisan untuk mencapai kemenangan,” kata kapten Harimau Malaysia.
- 2 “(Beta , Hamba) rasa elok kiranya tuan hamba berehat seketika,” ujar Hang Jebat kepada Hang Tuah.
- 3 Janganlah (kamu , kalian) malas mengulangkaji pelajaran,” nasihat Cikgu Suzana kepada anak-anak didiknya.
- 4 Raja Permaisuri Agong akan berangkat ke luar negara. (Baginda , Tuanku) akan melawat beberapa buah negara di Eropah.
- 5 Adik dan Andrian sekelas. (Dia , Mereka) sering bermain dan belajar bersama-sama.

LATIHAN C

Kesan **kesalahan** penggunaan kata ganti nama tunjuk. Kemudian, tulis kata ganti nama tunjuk yang betul di dalam ruang yang disediakan.

1	Peristiwa hitam ini masih segar dalam ingatan Pak Abu.	
2	“Kedai bunga di seberang jalan sini milik Puan Suhaila,” kata ibu.	
3	“Beginilah peritnya kehidupan semasa penjajahan Jepun,” cerita datuk.	
4	Dia meletakkan basikal di hujung dewan sini.	
5	“Jangan bermain di sini. Kawasan itu berbahaya,” pesan bapa kepada adik.	

TATABAHASA

KATA KERJA

LATIHAN A

Pilih jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 Farid membantu ayahnya _____ petola yang sudah matang di kebun sayur mereka.
A membuang **B** memetik **C** memotong **D** membaja

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Azfar _____ kawannya yang terseliuh semasa bermain bola petang tadi.
A memimpin **B** menjinjing **C** memapah **D** mengendong

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Puan Mariana _____ kuih pau untuk hidangan sewaktu minum petang.
A menjerang **B** melayur **C** merebus **D** mengukus

LATIHAN B

Pilih perkataan yang **paling** sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

merestui	menawan	menjajah	meminati
meluncur	menggapai	mengikut	menempuh

Saya ingin _____ jejak abang saya. Semenjak kecil lagi, saya sangat _____ bidang kejuruteraan enjin. Saya ingin menjadi pereka kereta nasional yang terkenal. Saya mahu kereta ciptaan saya megah _____ di jalan raya di seluruh pelosok negara. Lebih-lebih lagi, saya ingin melihat ciptaan saya _____ hati rakyat Malaysia dan negara-negara luar. Ciptaan saya itu nanti bukan hanya dimiliki oleh warga tempatan tetapi warga asing juga akan _____nya.

TATABAHASA

KATA BANTU

LATIHAN A

Pilih jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 Salmiah _____ tinggal serumah dengan Amirah suatu ketika dahulu.
A sedang B telah C masih D pernah
- 2 Rombongan kami _____ bertolak ke Ipoh pada pukul 9.00 pagi tadi.
A sedang B akan C harus D telah
- 3 Walaupun sudah pulih tetapi dia _____ belum boleh berjalan dengan baik.
A masih B hendak C akan D mesti
- 4 Zainatul berasa bimbang kerana namanya _____ dipanggil dalam sesi temuduga itu walaupun hari sudah petang.
A sudah pernah B belum pernah C masih belum D masih sedang

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Puan Aminah _____ melawat suaminya yang sedang sakit di hospital.
A akan dapat B masih sedang C sedang hendak D sudah boleh

LATIHAN B

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (X) pada ayat yang **salah** penggunaan kata bantu yang bergaris.

- 1 Ayah akan bertolak ke Ipoh pada malam tadi.
- 2 Kumar dan Aliff hendak ke perpustakaan pada petang nanti.
- 3 Masalah jerebu boleh diatasi jika pembakaran terbuka dihentikan.
- 4 Kapal terbang itu sedang hendak mendarat di lapangan terbang.
- 5 Sampah itu mesti akan busuk jika tidak dibuang.

KEFAHAMAN

RENCANA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tarikh 1 Oktober setiap tahun merupakan Hari Warga Tua Sedunia. Hari ini disambut untuk mengiktiraf jasa golongan tersebut. Daripada 28 juta orang rakyat Malaysia, 1.75 juta atau tujuh peratus merupakan warga tua. Mereka yang berumur melebihi 60 tahun dikategorikan sebagai warga tua. Golongan itu yang kini disebut sebagai warga emas, amat penting kepada negara kerana mereka memiliki ilmu, pengalaman, dan kepakaran yang tidak mudah dicari ganti.

Generasi muda jangan bersifat sombong apabila berdepan dengan warga tua. Hormatilah mereka jika kita ingin dihormati oleh anak-anak kita kelak. Orang yang muda pasti akan menjadi tua. Nasihat orang tua-tua kepada kita hendaklah kita ikuti kerana mereka banyak pengalaman. Kita juga janganlah bersikap kasar kepada mereka.

Kita hendaklah berusaha untuk menjaga hati warga tua. Selain itu, kita hendaklah memberikan bantuan moral dan kewangan. Kita juga hendaklah melakukan yang terbaik untuk mereka ketika mereka melalui sisa-sisa hidup mereka. Janganlah kita mensia-siakan mereka setelah kita berjaya kelak.

Perhatian terhadap warga tua menjadi kewajipan. Jadilah orang yang *mengenang budi*. Tanpa mereka, hidup kita akan sia-sia kerana restu mereka akan menjadi sebahagian daripada pemberian Tuhan kepada kita. Biarlah kasih sayang yang kita curahkan kepada warga tua dirasakan oleh mereka dengan sempurna. Sesungguhnya, warga tua mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan daripada keluarga, masyarakat dan negara.

1. Hari Warga Tua disambut untuk _____

[1 markah]

2. Mengapakah warga emas dikatakan golongan yang istimewa?

[2 markah]

3. Berikut ialah cara untuk kita menunjukkan rasa hormat kepada warga tua **kecuali**

- A menghormati mereka
- B mengiktiraf pengorbanan mereka
- C menghantar mereka ke pusat penjagaan swasta
- D memberikan sokongan dan semangat ketika mereka dalam kesedihan

• Modul TEMATIK •

4. Rangkaian kata *mengenal budi* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan
A menghargai C berbakti
B bersopan santun D memberi perhatian
5. Bagaimanakah kamu menunjukkan rasa hormat kepada jiran kamu yang telah tua? Jelaskan.

[3 markah]

TATABAHASA

KATA ADJEKTIF

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Penduduk Kampung Raya hidup dalam kegelisahan kerana kerap diancam seekor buaya yang _____.
A liar B marah C ganas D garang
2. Cikgu Alina berasa lega apabila melihat Zaril berjaya menyampaikan syarahannya dengan _____.
A petah B lancar C cekap D kemas
3. Mak Cik Intan menyuruh anak perempuannya mengangkat pakaian di jemuran apabila melihat langit agak _____.
A suram B muram C malap D mendung
4. Penduduk Kampung Chegar bekerjasama untuk membaiki dinding balai raya yang sudah _____ kerana dimakan oleh anai-anai.
A reput B lemau C susut D rentung
5. Lauk yang dimasak dengan menggunakan santan akan cepat menjadi _____ sekiranya tidak dimasak dengan betul.
A basi B tengik C masam D hangit
6. Pilih ayat yang menggunakan kata adjektif yang betul.
i. Fikirannya **runsing** setelah mengetahui hasil keputusan pemeriksaan kesihatan.
ii. Sikapnya yang **rapat** sangat disukai oleh semua penduduk Kampung Petaling.
iii. Suara Cikgu Ghani menjadi **besar** kerana sakit tekak.
iv. Saat-saat manis itu masih **segar** dalam ingatannya.
A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

● Modul TEMATIK ●

LATIHAN B

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong di dalam ayat.

pandak	sempurna	lisut	kuyu	sedap
panjang	manis	bengkak	lesu	kejur

- 1 Jambu batu, betik dan belimbing bukan sahaja _____ dimakan, malahan berkhasiat.
- 2 Kuku yang _____ perlu dipotong dengan menggunakan pengetip kuku yang sesuai.
- 3 Tanda sengatan lebah adalah _____ pada tempat yang disengat.
- 4 Makanan yang _____ perlu dikurangkan untuk mengelakkan penyakit.
- 5 Penjagaan gigi yang _____ dapat mengelakkan kerosakan gigi.

LATIHAN C

Kesan perkataan yang **salah penggunaan kata adjektif**. Kemudian, tulis perkataan yang betul pada ruangan yang disediakan.

1	Pada musim perayaan, pergerakan kenderaan di jalan raya tidak laju kerana kesesakan lalu lintas.	
2	Tahun Enam Cemerlang memenangi pertandingan kebersihan kelas kerana murid-muridnya cekap membersihkan kelas mereka.	
3	Suara adik menjadi kering akibat terlalu lama dia menangis.	
4	Beberapa orang jiran bertungkus-lumus membersihkan rumah Pak Usup yang dihempap pokok setelah angin bertiup deras petang semalam.	
5	Oleh sebab masa telah singkat, Masyitah terpaksa membatalkan hasratnya untuk bercuti di Pulau Redang.	

LATIHAN D

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah**.

- 1 Bau ikan yang haring itu dapat dihidu oleh Pak Andak hingga ke ruang tamu.
- 2 Tilam yang diperbuat daripada kekabu itu sungguh gebu dan selesa untuk tidur.
- 3 Pakaian yang disidai di ampaian itu basah walaupun dijemur dari pagi kerana cuaca redup.

• Modul TEMATIK •

- 4 Sikap Cikgu Aina yang rapat sangat disukai semua murid walaupun baru dua minggu bertukar ke situ.
- 5 Sup ayam itu rasanya pahit kerana terlebih garam.

TATABAHASA

KATA PENGUAT

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Pandai _____ kamu meniup seruling batang padi ini,” puji Pak Abu kepada Badrul.
A agak B paling C benar D terlalu
- 2 Pakaian pengemis di tepi jalan itu kelihatan _____ kotor.
A nian B amat C sekali D benar
- 3 Bah Arol tidak mampu membeli kasut sukan yang berjenama itu kerana harganya _____.
A nian B benar C sekali D terlalu
- 4 “Wah, cantik _____ baju kebaya yang kamu pakai ini!” kata Cikgu Rogayah kepada Anis.
A sungguh B terlalu C paling D agak
- 5 Tasik tinggalan lombong yang terdapat di kawasan itu dalam _____.
A paling B sekali C begitu D agak

LATIHAN B

Garisi jawapan yang paling sesuai bagi ayat-ayat di bawah.

- 1 Gubahan hantaran yang dihasilkan oleh Puan Diana _____ gubahannya.
(sekali halus / cantik terlalu / kemas benar)
- 2 Dokumentari tentang tokoh penglipur lara yang ditayangkan oleh Cikgu Shalina itu _____ perhatian murid-murid.
(sangat tertarik / sungguh menarik / termenarik)
- 3 Fazri menamatkan larian pecut 100 meter itu dengan _____ ketika Kejohanan Padang dan Balapan di sekolahnya.
(amat sangat laju / amat laju sekali / terlaju amat)
- 4 Murid-murid Tahun Enam Bijak _____ membersihkan kelas mereka sempena program keceriaan yang diadakan.
(sangat rajin sekali / terpalang rajin / amat rajin nian)
- 5 Murid-murid Kelas Empat Mawar _____ ketika keluar untuk ke kantin pada waktu rehat.
(paling berdisiplin / terdisiplin / sangat berdisiplin)

• Modul TEMATIK •

LATIHAN C

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah**.

- 1 Aina merupakan murid yang paling terpandai di dalam kelasnya. ☐
- 2 Harga kereta import yang dijual di situ agak mahal. ☐
- 3 Kapten pasukan bola baling dari Sekolah Kebangsaan Indera paling lincah sekali dalam pertandingan akhir peringkat daerah. ☐
- 4 Majlis rumah terbuka Tahun Baharu Cina itu meriah nian dengan kehadiran masyarakat berbilang kaum yang turut meraikan perayaan tersebut. ☐
- 5 Saleha berasa teramat sedih apabila Ainur akan meninggalkan Sekolah Kebangsaan Bidor kerana mengikut ibu bapanya berpindah ke Selama. ☐

TATABAHASA

KATA HUBUNG

LATIHAN A

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

dan	lalu	sambil	atau
untuk	kerana	supaya	manakala

Televisyen merupakan medium popular yang digunakan _____ menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Boleh dikatakan hampir setiap rumah di negara ini memiliki televisyen _____ harganya mampu dibeli dan kepentingannya kepada kita. Kita boleh menonton televisyen _____ melakukan kerja-kerja rumah _____ ketika bosan.

LATIHAN B

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

ketika	untuk	manakala	sehingga
bahawa	walaupun	yang	kerana

- 1 Tasik Chini _____ terkenal dengan legenda naga Tasik Chini telah berjaya menarik pelancong luar negara untuk berkunjung ke negeri Pahang.

• Modul TEMATIK •

- 2 Beberapa langkah telah diambil oleh pihak pengurusan Hotel Berjaya _____ memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.
- 3 Cikgu Haneza telah mengumumkan _____ pada cuti penggal kedua ini semua murid Tahun Enam Cemerlang mesti menghadiri kelas tambahan.
- 4 Salman begitu tekun mengulang kaji _____ lewat malam.
- 5 Danisya menyiram bunga _____ abangnya memangkas pokok bunga.

LATIHAN C

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah**.

- 1 Saffiya suka membaca novel lalu mengemas rumah pada hujung minggu.
- 2 Bah Ngah duduk bersila di atas lantai rumahnya sambil makan pisang goreng.
- 3 Kamal tekun mengulang kaji pelajaran walaupun peperiksaan pertengahan tahun semakin hampir.
- 4 Bas yang sarat penumpang itu tidak berhenti ketika sudah ditahan berkali-kali.
- 5 Tujuan Larian Hijau diadakan adalah untuk menyemaikan perasaan cinta akan alam sekitar yang indah dalam kalangan peserta.
- 6 Haji Ramli bukan sahaja pemurah tetapi baik hati.
- 7 Encik Azmeer akan menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur pada minggu hadapan dengan bulan hadapan?
- 8 Farzana mungkin berpindah ke Johor atau ke Melaka.
- 9 Sewaktu pegawai kastam membuat pemeriksaan, barang seludup itu tiada padanya.
- 10 Encik Lim menebas semak-samun sedangkan isterinya menyapu sampah.

• Modul TEMATIK •

- 5 Adakah kamu akan memeriksa peralatan sukan sebelum memulakan permainan? Berikan alasan kamu.

[3 markah]

TATABAHASA

KATA SENDI NAMA

LATIHAN A

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

lalu	pada	sambil	ketika	supaya	semakin
dari	untuk	kerana	setelah	kepada	terhadap

Sudah hampir sebulan hujan tidak turun, cuaca sangat panas. Murai berasa sangat dahaga. Murai terbang _____ suatu tempat ke suatu tempat untuk mencari air. _____ sekian lama mundar-mandir, akhirnya murai ternampak sebuah tempayan kecil yang berisi air. Murai terbang rendah _____ hinggap di sebelah tempayan kecil itu. Murai cuba mengais tempayan itu _____ dekat dengannya. Tiba-tiba, tempayan itu pecah dan airnya meresap ke dalam pasir. Tampaknya, rezeki yang sudah di depan mata itu bukan _____ murai. Kasihan ... Murai.

LATIHAN B

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

oleh	yang	supaya	apabila	semakin	daripada
akan	untuk	dengan	kepada	terhadap	sementara

Hatiku melonjak kegembiraan _____ ayah membenarkan aku menyertai lawatan sambil belajar ke Melaka. Menjelang pagi, aku terjaga _____ tidur, aku mandi dan bersiap-siap untuk berkumpul di sekolah. Setibanya di sekolah, aku disambut mesra _____ beberapa orang kawanku. Tidak lama kemudian, bas pun tiba. Kami

• Modul TEMATIK •

diminta _____ memasukkan beg ke dalam perut bas. Kami menyusun beg-beg itu _____ bantuan pemandu bas.

LATIHAN C

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Puan Zainun menabur gandum ke tanah _____ dimakan oleh anak-anak ayam itu.
A oleh B akan C demi D untuk
- 2 Syarikat Mutiara Megah memerlukan belia yang berkecayaan untuk bekerja _____.
A pada B dengan C demi D sehingga
- 3 Walaupun projek pertanian yang diusahakannya gagal, Naim akan terus berusaha _____.
A pada B dengan C untuk D sehingga
- 4 Sebahagian besar _____ pelanggan di gerai nasi ayam kukus itu ialah pekerja kilang elektronik.
A dari B kepada C pada D daripada

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Encik Ahmad Khalid dan rakannya mengusahakan ternakan ikan air tawar _____ lima tahun lalu.
A sejak B seperti C antara D hingga
- 6 “Amalan bertegur sapa perlu diamalkan _____ kalangan generasi muda masa kini,” kata Ustaz Ali.
A untuk B kepada C dalam D daripada
- 7 Lucy menghadihkan sejangkak bunga ros _____ Cikgu Eric Chia sempena sambutan Hari Guru.
A pada B kepada C untuk D dengan
- 8 Hukuman _____ pesalah itu akan dijatuhkan tidak lama lagi.
A terhadap B pada C daripada D ke

TATABAHASA


KATA BILANGAN

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “_____ murid lelaki diminta turun dari bas dengan berhati-hati,” arah Cikgu Sani kepada peserta lawatan.
A Segala B Sekalian C Semua D Setengah
- 2 _____ daripada kek hari lahir telah dimakan oleh adik.
A Semua B Seluruh C Segala D Setengah

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Jamuan ringan semasa gotong-royong itu disediakan oleh _____ orang wanita.
A semua B beberapa C segala D sebahagian
- 4 Anak _____ Encik Tan telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang perubatan.
A tiga B bertiga C ketiga D bertiga-tiga

Soalan 5

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 5 i. Setiap peserta yang menyertai aktiviti kembara itu mesti mengutamakan keselamatan diri dan ahli kumpulan.
ii. Lantai pasar yang berair dan licin boleh mengakibatkan kemalangan kepada seluruh pelanggan.
iii. Masing-masing kereta yang terlibat dalam kemalangan itu tidak diselenggara dengan baik.
iv. Para pemandu akan memandu kenderaan dengan lebih berwaspada ketika hujan.
A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

LATIHAN B

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

semua	segala	beberapa	empat	kedua
seratus	sebahagian	dua	segelintir	setiap

Pada waktu rehat, Hamzah dan beberapa orang rakannya telah pergi ke kantin. Seperti biasa mereka akan beratur untuk membeli makanan. Terdapat _____ barisan di hadapan

• Modul TEMATIK •

kaunter penjualan makanan di kantin itu. Satu barisan untuk murid lelaki dan satu lagi untuk murid perempuan.

Di situ terdapat _____ orang pengawas yang bertugas menjaga disiplin murid-murid. Namun, terdapat juga _____ murid yang melanggar peraturan sekolah seperti cuba memotong barisan dan tolak-menolak semasa membeli makanan.

Hamzah telah memberi _____ daripada buah epal yang dibeli kepada rakannya Azim. Selepas makan, mereka terus menuju ke perpustakaan yang terletak di aras tiga Blok A. _____ murid yang ada di dalam perpustakaan berada dalam keadaan senyap.

LATIHAN C

Garisi jawapan yang **paling sesuai** bagi ayat di bawah.

- 1 Amar mendapat tempat (dua , kedua) dalam pertandingan tentang keselamatan di jalan raya.
- 2 (Semua, Seluruh) pendaki perlu mematuhi peraturan dan nasihat semasa mendaki gunung.
- 3 Guru besar menasihati (segala , para) peserta lawatan supaya menjaga tingkah laku dan keselamatan diri.
- 4 “Berhati-hati ketika menggunakan peralatan yang tajam agar (kalian, masing-masing) tidak tercedera,” pesan Cikgu Kamil.
- 5 (Setengah, Seseengah) daripada peserta kursus keselamatan jalan raya merupakan murid-murid sekolah rendah.

LATIHAN D

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah**.

- 1 Semua penumpang bas perlu beratur semasa menaiki bas.
- 2 Setengah pemandu kereta tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu.
- 3 Segala pelancong yang menaiki sampan untuk menikmati pemandangan tasik perlu memakai jaket keselamatan.
- 4 Setiap peralatan dapur yang tajam perlu disimpan di tempat yang selamat.
- 5 Doktor menasihati datuk supaya mengambil sesetengah sudu teh gula sahaja dalam setiap cawan kopi yang diminumnya.

☐☐☐☐☐

• Modul TEMATIK •

LATIHAN E

Padankan pernyataan di bawah sama ada 'betul' atau 'salah'.

Semua kanak-kanak berasa seronok jika dapat bermain di luar rumah.

Setengah kanak-kanak suka bermain secara kasar.

Seluruh mangsa yang terlibat dalam kemalangan itu telah dikejarkan ke hospital.

Beribu penonton membanjiri Stadium Indera Mulia untuk menyaksikan perlawanan badminton itu.

BETUL

SALAH


TATABAHASA

KATA ARAH

LATIHAN A

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

sisi	belakang	hadapan	tengah	sudut
dalam	tepi	antara	hujung	celah



Aku sebiji wisel. Aku digunakan oleh pengadil permainan. Selain pengadil permainan, polis trafik menggunakan aku untuk mengawal lalu lintas.

Bentuk badan aku bulat di _____ dan leper di _____ serta berlubang untuk diikat tali.

Pengadil menggunakan aku di _____ padang semasa perlawanan bola sepak manakala di _____ gelanggang jika mereka mengadili perlawanan bola tampar.

• Modul TEMATIK •

Polis trafik pula menggunakan aku semasa mereka mengawal lalu lintas di _____ jalan raya. Semasa kecemasan, aku turut digunakan oleh mangsa supaya mudah dikesan oleh penyelamat apabila aku ditiup.

LATIHAN B

Garisi jawapan yang **paling sesuai** bagi ayat di bawah.

- 1 Ibu Azim menyimpan ubat-ubatan di (*atas* , *dalam*) kotak agar tidak diambil oleh adik.
- 2 Semua pengguna LRT dinasihati berdiri di (*belakang* , *hadapan*) garisan kuning semasa berada di platform.
- 3 Pendaki yang menggunakan laluan utara untuk ke (*puncak* , *celah*) gunung perlu berwaspada kerana laluan itu sempit dan curam.
- 4 Para ibu bapa perlu memastikan anak-anak kecil mandi di (*tepi* , *tengah*) kolam.
5. Pasukan tentera itu membina kubu di (*dalam* , *pinggir*) tanah untuk melindungi diri daripada serangan musuh.

LATIHAN C

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Pak Cik Maniam menyangi rumput di _____ pokok mangga.
A atas B pinggir C celah D bawah
- 2 Sekumpulan pendaki dari Jepun telah sampai ke _____ Gunung Kinabalu pada pukul 4.00 petang.
A puncak B atas C pucuk D tepi
- 3 Haikal memanjat pokok mangga dengan berhati-hati untuk mengambil layang-layangnya yang tersangkut di _____ dahan.
A tepi B dalam C sisi D celah
- 4 Ayah sentiasa memastikan adik berada di _____ nya, lebih-lebih lagi ketika berada di pasar malam yang sesak dengan pengunjung.
A tepi B atas C sisi D bucu
- 5 Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris yang betul.
i. Jangan main di tepi jalan raya.
ii. Jangan berdiri di atas tangga bas.
iii. Jangan sentuh suis lampu di dasar tiang itu.
iv. Jangan mandi di sisi lombong itu.
A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

• Modul TEMATIK •

LATIHAN D

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah**.

- 1 Semua makanan yang terhidang di bawah tudung saji pasti selamat dimakan kerana tidak dihinggap lalat.
- 2 Semua penumpang bot yang terjatuh ke dalam air selamat kerana memakai jaket keselamatan.
- 3 Cikgu Aiman mengarahkan murid-murid Tahun 5 Cempaka agar berhati-hati semasa menyimpan peralatan sukan di sisi stor sukan.
- 4 Ibu melarang adik menghidupkan suis kipas di dalam bilik kerana telah rosak.
- 5 Alatan berkebun yang tajam seperti cangkul, parang, sabit dan pencakar telah disimpan di sudut bilik Kemahiran Hidup.

LATIHAN E

Padankan pernyataan dengan kata arah yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong.

Penyelam itu berjaya menyelam sehingga ke _____ tasik itu.	balik
Saufi menyorok di _____ pintu supaya tidak ditemui oleh kakaknya.	bawah
Sara sedang berteduh di _____ sebatang pokok yang rendang sambil membaca buku.	antara
Nora memberhentikan keretanya di _____ bangunan Majlis Perbandaran Klang.	dalam
Ibu meletakkan anak-anak kucing itu di _____ kotak buat sementara waktu.	dasar
Aimi duduk di _____ Rahimah dan Rosiah semasa menghadiri kem motivasi itu.	hadapan

KEFAHAMAN

RENCANA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Semarak Perpaduan

“Semarak Perpaduan” mungkin nama yang agak asing bagi majoriti kita. Begitu pun, nama itu kini mulai meniti di bibir komuniti sekolah daerah Manjung. Tiga buah sekolah berlainan aliran telah mencetuskan idea ini melalui aktiviti kolaborasi pendidikan iaitu SK Gelong Gajah selaku tuan rumah, SJK (C) Yen Min dan SJK (T) Maha Ganesa Viddyasalai.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program itu melibatkan lima belas orang pelajar untuk satu kumpulan. Setiap kumpulan haruslah terdiri daripada tiga komposisi kaum daripada semua sekolah yang terlibat. Pembahagian ini dilakukan oleh guru penyelarass sekolah. Turut hadir, guru pengiring serta guru besar dari sekolah terbabit.

Antara permainan yang diadakan ialah pertandingan lukisan kumpulan, penerokaan kosa kata, mencipta dan mendeklamasikan sajak. Kesemuanya bertemakan perpaduan. Selain itu, diadakan juga perlawanan bola baling, bola tampar dan acara tarik tali.

Majlis ini dirasmikan oleh Pegawai Perpaduan Masyarakat Daerah, Encik Ismail bin Khalid. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan syabas atas inisiatif ketiga-tiga sekolah menganjurkan program ini. Beliau berharap agar program ini menjadi perintis dan kerap diadakan demi memantapkan perpaduan antara kaum di negara ini.

Sebelum acara bermula, peserta setiap kumpulan dikehendaki mengadakan majlis suai kenal terlebih dahulu. Mereka juga dikehendaki menamakan kumpulan serta sorakan semangat pasukan masing-masing. Kemudian, barulah taklimat setiap permainan dilakukan oleh guru penyelarass aktiviti.

Majlis yang *julung kali diadakan* ini berjalan dengan lancar dan meriah. Rata-rata peserta menampakkan wajah ceria dan berharap dapat mengikutinya. Pada akhir sesi, kumpulan Kasih Sayang dinobatkan sebagai juara keseluruhan, diikuti kumpulan Perpaduan dan kumpulan Muhibbah mendapat tempat ketiga.

1 Program yang dianjurkan bersama oleh ketiga-tiga sekolah adalah untuk memupuk

- | | |
|--------------------------|--------------------------------|
| A aktiviti komuniti. | B perpaduan antara kaum. |
| C kolaborasi pendidikan. | D minat memasuki pertandingan. |

2 Siapakah yang terlibat mengawasi pelajar sekolahnya mengikut program tersebut?

- | | |
|--------------------|-----------------------------|
| A guru penyelarass | B guru penyelarass aktiviti |
| C guru besar | D guru pengiring |

3 Frasa ‘*julung kali diadakan*’ dalam petikan bermaksud _____.

[1 markah]

• Modul TEMATIK •

- 4 Kumpulan manakah yang dinobatkan sebagai naib johan dalam program tersebut?

[2 markah]

- 5 Pada pandangan kamu, adakah program perpaduan ini penting kepada negara? Mengapa?

[3 markah]

TATABAHASA

KATA GANDA

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Muhammad Haripen mengawet _____ yang ditangkapnya pagi tadi untuk dijadikan hiasan.
A jentik-jentik B pijat-pijat C kunang-kunang D rama-rama
- 2 Guru silat itu mengarahkan anak muridnya memperkemas _____ mereka sebelum memulakan langkah.
A kura-kura B mata-mata C siku-siku D kuda-kuda
- 3 Sharifah tidak dapat melihat dengan jelas dalam cahaya yang _____ itu.
A suram-suram B pudar-pudar C samar-samar D redup-redup
- 4 Firdaus berasa gembira kerana ayahnya membawa _____ ketika pulang dari luar negara.
A oleh-oleh B epok-epok C duit-duit D urup-urup
- 5 Pada waktu petang , _____ sebatang kayu adalah lebih panjang berbanding dengan waktu tengah hari.
A kuda-kuda B kisi-kisi C jari-jari D bayang-bayang

• Modul TEMATIK •

LATIHAN B

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam ayat yang diberikan.

masak-masak	kira-kira	bahan-bahan	siap-siap
baru-baru	ura-ura	mentah-mentah	sia-sia

- 1 Cadangan Encik Faiz ditolak _____ oleh pegawai atasannya.
- 2 Terdapat _____ bahawa sekolah swasta itu akan ditutup pada tahun hadapan.
- 3 Fikirlah _____ sebelum membuat keputusan yang penting itu.
- 4 Kerajaan Malaysia telah menyita produk makanan yang mengandungi _____ beracun.
- 5 Kejadian tanah runtuh yang berlaku di Bukit Antarabangsa _____ ini menyedarkan masyarakat tentang kesan pembangunan di lereng bukit.

LATIHAN C

Padankan pernyataan di bawah sama ada 'betul' atau 'salah' penggunaan kata gandanya.

Doktor mengesahkan bahawa gegendang telinga Maniam sudah rosak.

Air takungan di dalam tayar buruk di belakang rumah itu dipenuhi dengan pepijat.

Tilam itu tidak boleh digunakan lagi kerana mempunyai banyak jejentik.

Pokok dedalu itu menumpang hidup di atas pohon ketapang.

BETUL

SALAH

LATIHAN D

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah** penggunaan kata gandanya.

- 1 Perahu nelayan itu berolang-aling apabila dipukul ombak.
- 2 Amira berjalan tergopoh-gopah ketika berada di atas kapal pesiaran yang sedang belayar itu.

• Modul TEMATIK •

- 3 Mulut Pak Mail kelihatan berdolak-dalik ketika membaca doa.
- 4 Cincin permata itu kelihatan bersinar-sinar di bawah cahaya lampu.
- 5 Gelanggang bola tampar itu hingar-bingar dengan tepuk sorak penonton.

LATIHAN E

Padankan pernyataan dengan kata ganda yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong.

Orang ramai _____ ke Stadium Perak untuk menyaksikan perlawanan bola sepak.

berkali-kali

Para petani itu sedang _____ padi untuk memisahkan padi dengan batangnya.

menampi-nampi

Sepanjang perjalanan pulang, Idris _____ juadah yang bakal dijamahnya setibanya di rumah nanti.

berpusu-pusu

Emak telah _____ menasihati Sudin dan adiknya supaya bermain di halaman rumah mereka sahaja.

terbayang-bayang

TATABAHASA

KATA MAJMUK

LATIHAN A

Garisi kata majmuk yang terdapat dalam ayat di bawah.

- 1 Bangunan itu di reka bentuk oleh arkitek terkenal di dunia.
- 2 Tulisannya seperti cakar ayam itu sukar dibaca oleh Cikgu Aziz.
- 3 Danisa membawa buku latihan mata pelajaran Bahasa Melayu itu ke bilik guru.
- 4 Terdapat banyak gua batu kapur dan kolam ikan di Ipoh, Perak.
- 5 Ibu menghadihkan tali pinggang dan sapu tangan sempena hari lahir ayah.
- 6 Opah membeli kaca mata baharu di pasar raya itu.
- 7 Cuti Hari Sabtu dan Ahad diberikan kepada semua kakitangan kerajaan.
- 8 Kami diminta masuk ke dalam dewan peperiksaan oleh setiausaha peperiksaan .
- 9 Puan Nina baru mendapat cahaya mata dan banyak pantang larang yang perlu dipatuhinya selepas bersalin.
- 10 Fatini ialah ketua kelas manakala Misya sebagai penolongnya.

• Modul TEMATIK •

LATIHAN B

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (✗) pada ayat yang salah.

- | | | |
|----|---|----------------------|
| 1 | Sejak kebelakangan ini, kakak sering mengulang kaji pelajarannya hingga larut malam. | <input type="text"/> |
| 2 | Rupa bentuk anak dara Mak Lijah elok benar bagai bulan dipagari bintang. | <input type="text"/> |
| 3 | Adik akan menyambut ulang tahun kelahirannya yang kelapan pada minggu hadapan. | <input type="text"/> |
| 4 | Kempen berkongsi kereta oleh kerajaan dapat mengurangkan kesesakan lalu lalang di negara ini. | <input type="text"/> |
| 5 | Dalily gagal dalam temu muka itu kerana tidak fasih berbahasa Malaysia. | <input type="text"/> |
| 6 | Sesiapa yang berminat untuk menyertai pertandingan lukisan boleh mendaftarkan diri di meja urus setia. | <input type="text"/> |
| 7 | Daim menerima surat sumpah kerana gagal menjelaskan ansuran bulanan keretanya selama tiga bulan. | <input type="text"/> |
| 8 | Pasukan penyelamat masih mencari beberapa orang anak kapal yang hilang di laut semalam. | <input type="text"/> |
| 9 | Pasar raya itu sering mengadakan jualan murah untuk menarik perhatian para pelanggan membeli belah di situ. | <input type="text"/> |
| 10 | Sebahagian daripada harta rampasan milik jutawan itu akan diberikan kepada rumah anak yatim. | <input type="text"/> |

TATABAHASA

AYAT TANYA

LATIHAN A

Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

- 1 *Jawapan:*
Ya, saya telah terpilih untuk menyertai Pertandingan Pesta Pantun di Sekolah Kebangsaan Sungai Rokam, Ipoh Perak

Ayat tanya:

• Modul TEMATIK •

- 2 *Jawapan:*
Sambutan murid terhadap acara-acara yang diadakan sepanjang bulan kemerdekaan tersebut baik sekali.

Ayat tanya:

- 3 *Jawapan:*
Sebelum masuk tidur, Nurul Izzah perlu menyiapkan kerja sekolahnya.

Ayat tanya:

- 4 *Jawapan:*
Hanya dua orang sahaja yang berjaya diselamatkan dalam kejadian nahas kapal selam itu.

Ayat tanya:

- 5 *Jawapan:*
Kemalangan itu melibatkan seorang penunggang motosikal dan dua orang pejalan kaki.

Ayat tanya:

• Modul TEMATIK •

LATIHAN B

Tulis **jawapan** yang paling sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

- 1 Ayat tanya:
Apakah yang dilakukan oleh Faiz sebelum masuk ke dalam kelas?

Jawapan:

- 2 Ayat tanya:
Bilakah ceramah kecemerlangan UPSR akan diadakan?

Jawapan:

- 3 Ayat tanya:
Di manakah Cikgu Liza membeli baju batik sutera yang bersulam indah ini ?

Jawapan:

- 4 Ayat tanya:
Siapakah yang memberikan bimbingan dan dorongan kepada kamu ?

Jawapan:

- 5 Ayat tanya:
Apakah punca kemalangan itu berlaku?

Jawapan:

KEFAHAMAN

BERITA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**SAMBUTAN MALAM KEMERDEKAAN
SEKOLAH KEBANGSAAN AIR MERAH, KULIM, KEDAH**

KULIM, 1 September – Sambutan Malam Kemerdekaan yang julung-julung kalinya diadakan di Sekolah Kebangsaan Air Merah, Kulim, Kedah berlangsung dalam suasana gilang-gemilang. Sambutan ini telah diilhamkan oleh Guru Besarnya sendiri, iaitu Tuan Haji Ramlan bin Abdul Rashid dan direalisasikan oleh semua warga sekolah tersebut. Sambutan Malam Kemerdekaan ini juga telah membuktikan bahawa semangat cinta akan negara sangat menebal dalam kalangan pendidik dan murid sekolah ini.

“Saya berbesar hati kerana dapat mengadakan majlis yang sebegini rupa dan sambutan daripada penduduk setempat pula sangat baik. Semoga acara sebegini akan dapat menerapkan semangat patriotik ke dalam jiwa anak-anak kita,” kata beliau sewaktu ditemui pada malam sambutan.

Pelbagai acara diatur untuk malam yang penuh bermakna ini. Antara acara yang telah diadakan termasuklah persembahan koir, deklamasi sajak, pantomin dan nyanyian solo. Acara-acara ini dijayakan oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Air Merah dengan bimbingan guru. Kelab Usahawan Muda juga mengadakan aktiviti jualan untuk menambah tabung kewangan mereka.

Tuan Haji Ramlan berharap agar semangat kemerdekaan ini akan terus kukuh dalam sanubari dan jiwa generasi kini dan generasi akan datang. Selain itu, rakyat juga haruslah memupuk rasa cinta dan sayang akan tanah air dengan *menyoroti sejarah* yang memaparkan kesukaran perjuangan orang-orang terdahulu untuk memperoleh dan menikmati kemerdekaan. Kita patut menghargai perjuangan mereka dengan memelihara kemerdekaan negara ini.

- 1 Sambutan Malam Kemerdekaan Sekolah Kebangsaan Air Merah, Kulim, Kedah merupakan aktiviti yang diadakan untuk kali _____.
- 2 Rangkai kata *menyoroti sejarah* dalam petikan membawa maksud
 - A membicarakan peristiwa yang pernah berlaku.
 - B menghayati peristiwa penting yang pernah berlaku.
 - C memandang dengan tajam peristiwa yang telah berlalu.
 - D menghuraikan erti pengorbanan menentang penjajahan.
- 3 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan berita di atas.
 - A Sambutan Malam Kemerdekaan hanya dijayakan oleh warga sekolah.
 - B Empat acara berkumpul yang mewarnai sambutan Malam Kemerdekaan.
 - C Kelab Usahawan Muda berjaya menganjurkan sambutan Malam Kemerdekaan.
 - D Pemberita menemui ramah Guru besar semasa sambutan Malam Kemerdekaan.

● Modul TEMATIK ●

4 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

Guru besar berasa sungguh gembira atas kerjasama dan sokongan yang diberi oleh penduduk setempat.	
Tuan Haji Ramlan bin Abdul Rashid merupakan pejuang kemerdekaan yang perlu dihargai.	

[2 markah]

5 Pada pendapat kamu, bilakah masa yang sesuai untuk mengadakan sambutan kemerdekaan? Mengapa?

[3 markah]

TATABAHASA

KATA ADVERBA

LATIHAN A

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan dibawah.

seakan-akan	kelak	kadangkala	demikian
hampir	betul-betul	seringkali	agak

Silat merupakan warisan bela diri orang Melayu. Silat mengandungi beberapa peringkat yang tersusun indah, lembut tetapi tangkas dan _____ keras pukulannya.

Bunga silat ialah pergerakan yang _____ tarian untuk mengelirukan lawan.

Pergerakan bunga silat _____ lembut serta disusuli langkah yang kemas dan kekuda yang kukuh. Begitulah sifat orang Melayu, lemah lembut dan bersopan santun.

Buah silat pula ialah gerak langkah untuk membuat pukulan. Buah silat ini _____ digunakan untuk menumpaskan atau membalas pukulan lawan.

TATABAHASA

KATA PENEGAS

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Jagjit _____ berhajat menghadiahi kakaknya kalung mutiara itu.
A hanya B sahaja C memang D pun
- 2 Apa _____ perintahnya, kita mesti turut kerana dia ialah ketua kumpulan.
A ada B memang C -lah D sahaja
- 3 Rosman asyik termenung _____ memikirkan kebenaran kata-kata ibunya sebentar tadi.
A lagi B sahaja C jua D pun
- 4 Bagaimana _____ keadaan luka pada lutut kamu ?
A -kah B - tah C -lah D lagi
- 5 Sambutan hari keluarga Taman Rakyat akan diadakan beberapa hari _____.
A sudah B juga C sahaja D lagi
- 6 Pemenang tempat pertama bagi acara syarahan tersebut _____ sudah dijangkakan.
A memang B juga C pun D telah
- 7 Dia berpindah _____ ke tempat lain, sungguhpun rumah yang selesa disediakan untuknya.
A lagi B jua C pun D sahaja

LATIHAN B

Padankan penggunaan kata penegas yang betul.

“Apa _____ nasib anak-anakku di kemudian hari.” bisik hati kecil ibu.

tah

“Cepat _____ sikit, awak ni berjalan macam semut!” jerit Zurin kepada Hanim.

“Mana _____ letaknya kunci rumah ini?” rungut Shahir

lah

“Mereka _____ yang mengemas semua barang dalam bilik itu.” kata ketua kelas.

TATABAHASA

PENGIMBUHAN

LATIHAN A

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (✗) pada ayat yang **salah** penggunaan imbuhan.

- 1 Banyak sukarelawan terlibat dalam menjayakan Sukan Komanwel yang diadakan di Ipoh.
- 2 Ustazah Faizah mengajarkan murid-muridnya tulisan jawi dengan bersungguh-sungguh.
- 3 Zul Hasymi telah memperoleh autograf daripada seorang pemain bola sepak pasukan Arsenal.
- 4 Puan Harila menghidangi kuih-muih yang baru dibelinya dari pasar tani itu kepada tetamunya.
- 5 Cikgu Manal mempekenalkan murid yang baharu bertukar dari Kuala Lumpur.

LATIHAN B

Kesan perkataan yang salah penggunaan imbuhan. Kemudian, tulis perkataan yang betul dalam ruang disediakan.

1	Komputer riba itu dibeli dengan harga yang berpatut di Karnival ICT Ipoh, sesuai dengan perisiannya.	
2	Gunaan telefon bimbit yang meluas di negara ini boleh meningkatkan jaringan perhubungan dan capaian maklumat yang berkesan.	
3	Pembayaran bil secara atas talian mampu jimatkan masa kerana pengguna tidak perlu beratur di kaunter pejabat pos atau bank.	
4	Jentera-jentera moden pertanian yang dicipta penyata memberi impak yang positif terhadap pengeluaran hasil pertanian negara.	
5	Proses pengklonan baka binatang ternakan seperti lembu dan kambing berupaya menambah pendapat penternak.	

KEFAHAMAN

RENCANA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kuih baulu merupakan kuih *tradisional* orang Melayu sejak zaman dahulu. Pada awalnya, proses membuat kuih baulu mengambil masa yang lama bermula daripada kerja penyediaan adunan hingga proses pembakaran. Kuih baulu telah menjadi menu utama dalam hidangan masyarakat Melayu seperti hari raya dan majlis perkahwinan.

Kini, pembuatan kuih baulu lebih senang. Bahan-bahannya mudah didapati di kedai runcit seperti tepung gandum, telur ayam dan gula pasir. Namun, perbezaan setiap kuih baulu yang dihasilkan adalah pada sukatan dan teknik pembakaran bahan-bahan asas dan pembuatan kuih baulu tersebut.

Teknik pembuatan kuih baulu juga telah berbeza berbanding dahulu. Jika dahulu, orang perlu berpenat lelah bagi mengadunkan semua bahan seperti tepung gandum, telur dan gula. Kemudian, adunan ini dibakar di atas bara api dan perlu diselubungi asap yang menyedapkan.

Namun kini tidak lagi, segala-galanya sudah berubah. Penggunaan alat-alat yang berteknologi moden seperti oven dan penggaul adunan, pembuatan kuih baulu lebih cepat dan ringkas. Para pengusaha kuih tradisional ini tidak lagi memerlukan masa yang lama untuk menghasilkannya, malahan dapat menghasilkan produk dengan jumlah yang lebih banyak bagi memenuhi permintaan para pelanggan.

- 1 Mengapakah pembuatan kuih baulu secara tradisional mengambil masa yang lama?
 - A Teknik penyediaan yang rumit.
 - B Tidak ramai orang yang mahir membuatnya.
 - C Bahan-bahan sukar diperolehi.
 - D Proses pembuatan keseluruhannya menggunakan tenaga manusia.

- 2 Kuih bahulu dapat dibezakan berdasarkan _____.
 - A bentuknya menarik dan rasanya sedap
 - B sukatan dan teknik pembakaran
 - C dapat disiapkan dengan cepat
 - D dibakar menggunakan oven

- 3 Perkataan *tradisional* sesuai digantikan dengan perkataan _____.

[1 markah]

• Modul TEMATIK •

- 4 Apakah tiga bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan kuih baulu?

[2 markah]

- 5 Pada pandangan kamu, wajarkah generasi muda mewarisi cara membuat kuih baulu? Mengapa?

[3 markah]

TATABAHASA

KATA MAJMUK

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya belayar ke Majapahit dengan menaiki _____ milik seorang saudagar yang sangat kaya.
A kapal persiaran B kapal selam C kapal layar D kapal kargo
- 2 Notis mesyuarat Persatuan Kesenian Bangsa itu telah ditampal pada _____ bagi memudahkan semua ahlinya mendapat maklumat.
A papan lapis B papan tanda C papan markah D papan kenyataan
- 3 Setiap ahli persatuan haruslah _____ dalam setiap aktiviti bagi memastikan nama baik persatuan terjaga dan aktiviti dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.
A bersoal jawab B bertimbang rasa C bertanggungjawab D bekerjasama
- 4 Ayuni merupakan _____ Persatuan Kesenian dan Kebudayaan Taman Murni yang bertanggungjawab dalam menyediakan laporan aktiviti tahunan.
A warganegara B pesuruhjaya C setiausaha D jawatankuasa

Soalan 5 dan soalan 6

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata majmuk yang betul.

- 5 i. Cikgu Aishah membimbing murid membaca seni suara lagu itu.
ii. Pemuda itu menghadiri temu ramah untuk menjadi penari tarian tradisional.

• Modul TEMATIK •

- iii. Calon-calon pelakon wanita berbakat itu akan menjalani sesi temu duga dengan panel penilai sebelum dipilih sebagai juara.
- iv. Dua bilah keris lama yang menjadi perhiasan pada dinding ruang tamu rumah Mahaguru Omar sering menjadi perhatian tetamu yang menziarahinya.

A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

- 6
- i. Keenakan kuih koci yang dibuat oleh Mak Amira menjadi buah mulut penduduk kampung.
 - ii. Pendekar Ali menepis serangan penceroboh itu sambil melepaskan buku lalinya tepat ke dagu lawannya.
 - iii. Ramai pelancong luar negara tertarik dengan reka letak rumah tradisional Melayu yang dijadikan inap desa di kampung itu.
 - iv. Panel hakim menegaskan bahawa mereka tidak akan bersikap pilih kasih dalam menentukan pemenang bagi setiap kategori pertandingan lagu tradisional itu.

A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

LATIHAN B

Garisi kata majmuk yang betul.

Aiman Haziq bercita-cita hendak menjadi pemandu (*kapal terbang / kapalterbang*). Dia amat meminati (*mata pelajaran / matapelajaran*) sains dan matematik. Aiman aktif dalam persatuan dan bidang sukan. Dia telah dipilih sebagai pengerusi persatuan dan aktif dalam bidang (*olahraga / olah raga*) di sekolahnya. Sebagai seorang (*ketuamurid / ketua murid*), Aiman sering memberi (*kerja sama / kerjasama*) kepada guru-guru dan disenangi oleh rakan-rakannya. Dia memikul (*tanggungjawab / tanggung jawab*) itu dengan penuh amanah dan jujur. Dia pernah mewakili sekolahnya dalam perkhemahan pengakap peringkat (*antarabangsa / antara bangsa*) di India. Aiman amat ber(*terima kasih / terimakasih*) kepada ibu bapa dan guru-gurunya atas tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberikan oleh mereka.

TATABAHASA

AYAT SONGSANG

LATIHAN A

Tukarkan ayat songsang berikut kepada ayat susunan biasa.

- a) Sungguh lincah menepis serangan, pesilat itu.

- b) Masyhur dengan perusahaan kraf tangan, negeri-negeri pantai timur.

- c) Telah terjual semua hasil ukiran oleh pengukir kayu terkenal itu.

KEFAHAMAN

BERITA

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KUALA LUMPUR, 25 Jun – Kualiti udara di beberapa kawasan di Johor dan Melaka terus merosot. Dua kawasan di kedua-dua buah negeri ini telah mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang melepasi tahap bahaya, iaitu 301.

Menurut kenyataan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, punca kemerosotan kualiti udara dipengaruhi oleh *jerebu yang merentas sempadan*. Dato' Halimah bt Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkata kualiti udara di Petaling Jaya mencatat bacaan berbahaya dipercayai akibat pembakaran terbuka. Selain itu bilangan kenderaan yang semakin bertambah juga menjadi punca pertambahan jerebu.

Pemantauan pihak JAS pagi ini mengesan lebih 83 tompokan titik panas di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pihak JAS akan memberi laporan terkini setiap hari melalui media-media utama.

1 Kualiti udara yang melepasi tahap bahaya berlaku di kawasan _____.

[1 markah]

2 Agensi yang terlibat dalam pemantauan kualiti udara ialah _____.

A pihak media massa

B Jabatan Alam Sekitar

C Jabatan Pengairan dan Saliran

D Jabatan Kaji Cuaca

3 Maksud jerebu yang merentas sempadan ialah _____.

A udara yang terapung

B awan yang bergerak

C asap yang datang dari negara jiran

D asap pembakaran terbuka

4 Berikan pendapat kamu cara tentang yang sesuai untuk mengurangkan jerebu.

[3 markah]

TATABAHASA

PENANDA WACANA

LATIHAN A

Isi tempat kosong di bawah dengan penanda wacana yang sesuai.

Selain itu	Sungguhpun begitu	Kemudian	Tambahan pula
Dalam pada itu	Justeru	Akhirnya	Sebaliknya

Encik Nathan merupakan seorang pengusaha yang menjalankan perniagaan barang-barang lusuh. Dia mempunyai sebuah lori untuk membawa barang-barang yang dibelinya. Dia dibantu oleh dua orang pekerja. _____, dia juga mempunyai sebuah bas sekolah yang menjalankan perkhidmatan mengangkut murid-murid sekolah di kawasan taman berhampiran rumahnya. Perniagaannya semakin maju. _____, dengan sikapnya yang rajin dan peramah, dia disukai oleh pelanggan-pelanggannya. _____, Encik Nathan juga mengintai beberapa peluang perniagaan lain. Beliau kini menjadi usahawan yang berjaya dan dihormati di kawasan tempat tinggalnya. _____, dia banyak memberi sumbangan kepada beberapa buah rumah kebajikan serta orang-orang yang tidak berkemampuan. _____, syarikat perniagaan Encik Nathan menjadi terkenal dan kehidupan keluarganya menjadi lebih senang daripada masa dahulu.

LATIHAN B

Padankan penggunaan penanda wacana dalam ayat sama ada **BETUL** atau **SALAH**.

Mak Lijah gembira kerana anak-anaknya pulang ke kampung semasa hari raya. *Selain itu*, adiknya yang tinggal di luar negara juga pulang beraya bersama-sama.

BETUL

Perlawanan hoki yang bakal dijalankan akan dapat meningkatkan mutu permainan. *Selanjutnya*, perlawanan tersebut dapat menambahkan keyakinan dalam diri pemain.

SALAH

“Setakat ini dahulu ceramah saya buat kali ini. *Akhir kata*, terimalah serangkap pantun daripada saya,” kata Dr Zaki.

Saya pernah bertemu muka dengan Izzat. *Justeru*, saya faham akan sikapnya.

• Modul TEMATIK •

LATIHAN C

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Aziah tidak suka membazir makanan. _____, dia berasal daripada keluarga miskin.
A Selain itu B Di samping itu C Namun begitu D Tambahan pula
- 2 “_____ kamu bertemu dengan Irfan, tolong beri kamus ini kepadanya,” kata Cikgu Razak kepada Fathonah.
A Selagi B Sehingga C Sekiranya D Semenjak
- 3 Annabell rajin membantu bapanya berniaga di kedai. _____, apabila dia diberi upah yang lumayan.
A Selain itu B Jika C Sementara itu D Lebih-lebih lagi
- 4 Beberapa orang doktor pakar berusaha untuk merawat mangsa kemalangan itu. _____, dia masih lagi berada dalam keadaan koma.
A Lebih-lebih lagi B Di samping itu C Sementara itu D Namun begitu
- 5 Penagihan dadah adalah masalah besar yang berlaku dalam masyarakat. _____, kita perlu mengawasi anak-anak supaya tidak terjebak dalam penyalahgunaan dadah.
A Selanjutnya B Lagipun C Oleh itu D Apatah lagi
- 6 Perlawanan hoki yang bakal dijalankan akan meningkatkan mutu permainan. _____, perlawanan tersebut dapat menambahkan keyakinan dalam diri pemain.
A Biarpun demikian B Dalam pada itu C Kalau begitu D Selanjutnya
- 7 Kita boleh pergi ke klinik biasa jika sakit. _____, sekiranya kita menghadapi sakit yang serius, lebih baik kita berjumpa dengan doktor pakar.
A Lantaran itu B Di samping itu C Namun begitu D Lebih-lebih lagi
- 8 Pada zaman perang, penduduk kehilangan pekerjaan. _____, harga barang semakin naik dan beras sukar diperoleh.
A Justeru B Dengan itu C Kemudian D Tambahan pula
- 9 Dina sentiasa mengulang kaji pelajarannya pada waktu lapang. _____, dia pelajar cemerlang kelas 6 Bestari.
A Semenjak itu B Lagipun C Tambahan pula D Kemudian
- 10 Kami sekeluarga akan pulang ke kampung esok. _____, ayah akan memastikan semua pintu dan tingkap rumah dikunci.
A Selepas itu B Sebelum itu C Oleh itu D Tambahan pula
- 11 Mary tidak pernah menyakiti hati saya. _____, saya kurang percaya jika ada orang memburuk-burukkannya.
A Walaupun begitu B Tambahan lagi C Justeru D Malangnya
- 12 *Pilih ayat yang menggunakan penanda wacana dengan betul.*
i. Mereka mahu meneruskan pendakian. *Lebih-lebih lagi*, mereka kuatkan semangat.

● Modul TEMATIK ●

- ii. Encik Tony pergi ke pejabat pos untuk mengepos surat. *Selepas itu*, dia pergi ke bank untuk menyimpan wangnya.
- iii. Datuk terjatuh dalam bilik air dan di bawa ke klinik. *Walau bagaimanapun*, doktor menyatakan kecederaannya tidak serius.
- iv. Baru-baru ini Azizi gagal dalam peperiksaan akhir tahun. *Akhirnya*, dia asyik memerap di dalam biliknya sahaja.

A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

TATABAHASA

KATA PENEGAS

LATIHAN A

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

memang	pun	lagi	-lah
sahaja	juga	hanya	-tah

Muthu seorang pelajar yang pintar. Dia _____ rajin mengulang kaji pelajarannya di rumah.

Selain itu, dia selalu membantu rakan-rakannya mengulang kaji pelajaran. Dia tidak lokek ilmu. Bukan _____ dalam pelajaran, malah dia turut aktif dalam bidang sukan.

Di sekolah, dia menjadi atlet lari pecut. Muthu _____ memikirkan kecemerlangan yang perlu dicapai terutamanya dalam peperiksaan UPSR. Dia tidak _____ membuang masa dan bermain semasa belajar. Suatu masa nanti dia bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

LATIHAN B

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (X) bagi ayat yang **salah**.

1	Selepas mandi dia hanya bertuala sahaja.	
2	Apa-apa jua hajatnya mesti kita turuti.	
3	Memang pun dia amat mematuhi peraturan sekolah.	
4	Semua hidangan itu dicubanya hanya bubur yang tidak dicubanya.	
5	Semua ahli keluarga dan penduduk kampung lah menyenangnya.	

PERIBAHASA

SIMPULAN BAHASA

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Muhammad Haikal telah diberhentikan kerja oleh majikannya kerana dia selalu _____.
A keras hati B makan angin C curi tulang D tangkai jering
- 2 Pekerja yang _____ itu telah diberi penghargaan oleh pengurus pasar raya tempat dia bekerja.
A kepala batu B cepat tangan C hisap darah D ringan tulang
- 3 Albert Tan sekeluarga tinggal _____ apabila rumah mereka hangus dijilat api petang tadi.
A nyawa ikan B bangkai bernyawa C sehelai sepinggang D putih tulang
- 4 Berita tentang fenomena gerhana matahari itu telah menjadi _____ murid-murid di sekolahnya.
A pelita hati B asam garam C buah mulut D khabar angin

LATIHAN B

Padankan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripada telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Aini _____ di tepi pantai pada petang itu sambil menikmati pemandangan yang indah.	ambil angin
(ii) Nur Suhada _____ ketika memilih kain ela yang beraneka corak di gedung beli-belah itu.	pekak badak
(iii) Kakak perlu menguatkan suaranya apabila bercakap dengan nenek kerana nenek _____.	rambang mata
(iv) Hasmizan membuka _____ apabila dikejar oleh beberapa ekor anjing liar di kebun pisang itu.	langkah seribu

LATIHAN C

Garisi jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Muhammad Hazim dan kawan-kawannya (*ada hati, tajam akal, rambang mata*) untuk mengusahakan ternakan udang galah di kampung mereka.
- (ii) Pekerja ladang itu (*sebulat hati, bermandi peluh, mencari jalan*) untuk menebang dan membersihkan kebun sawit untuk syarikatnya.
- (iii) Pemuda yang kurang siuman itu tersengih-sengih seperti (*cacing kepanasan, kerang busuk, sampah masyarakat*) apabila lalu di hadapan kami.

KEFAHAMAN

FAKTA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Telefon bimbit merupakan alat komunikasi yang sangat popular dalam kalangan masyarakat. Pengguna telefon bimbit semakin meningkat bak cendawan tumbuh selepas hujan disebabkan harganya semakin mampu dibeli serta bentuknya yang lebih kecil dan senang dibawa ke mana-mana.

Penggunaan telefon bimbit banyak membantu dalam *komunikasi* harian. Dengan menggunakan telefon bimbit, kita tidak perlu bersusah-payah untuk pergi ke rumah seseorang untuk berkongsi ataupun menyampaikan maklumat. Bukan itu sahaja, keselamatan seseorang juga lebih terjamin kerana telefon bimbit mudah digunakan bagi menghubungi pihak polis atau sesiapa sahaja ketika dalam kecemasan.

Selain itu, penggunaan telefon bimbit dapat merapatkan silaturahim sama ada dengan rakan atau sanak-saudara terutamanya yang berada jauh di perantauan. Kita dapat menelefon orang yang tersayang pada bila-bila masa dengan kos yang tidak membebankan. Lebih-lebih lagi, kita dapat membuat panggilan video bagi mengubat rindu selain mengukuhkan silaturahim dalam kalangan sanak-saudara.

Pada masa kini, telefon bimbit telah menjadi alat hiburan kerana telah dilengkapi dengan fungsi untuk mendengar muzik, rakaman gambar, video serta permainan atas talian. Telefon bimbit juga boleh digunakan untuk mengakses e-mel, melayari laman web dan mencari maklumat dengan pantas dan berkesan.

Kesimpulannya, telefon bimbit mendatangkan banyak kebaikan dan telah menjadi keperluan yang sangat penting dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, kita tetap akan menerima kehadiran elemen negatif kesan penggunaan telefon sekiranya tidak berhati-hati. Dalam hal ini, ibu bapa mestilah memantau penggunaan telefon bimbit oleh anak-anak agar tidak disalahgunakan.

- 1 Mengapakah telefon bimbit semakin popular dalam kalangan masyarakat?
 A Mudah digunakan.
 B Unsur-unsur hiburan yang terdapat di dalamnya.
 C Dapat menyampaikan maklumat dengan pantas
 D Harganya yang semakin mampu dibeli.
- 2 Perkataan *komunikasi* sesuai digantikan dengan perkataan _____.
[1 markah]
- 3 Berikut merupakan kesan negatif yang mungkin timbul di sebalik penggunaan telefon bimbit **kecuali**
 A hubungan persahabatan renggang.
 B bayaran penggunaan
 C membuang masa.
 D terdedah kepada aktiviti tidak sihat.

• Modul TEMATIK •

- 4 Bagaimanakah penggunaan telefon bimbit dapat mengeratkan hubungan?

[2 markah]

- 5 Pada pendapat kamu, wajarkah pelajar sekolah dilarang membawa telefon bimbit ke sekolah? Mengapa?

[3 markah]

TATABAHASA

KATA PENGUAT

LATIHAN A

Pilih jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 Perkakasan komputer yang dijual sempena Pameran ICT Teluk Intan itu _____
murah.
A sekali B nian C benar D agak
- 2 Syarikat Microsoft akan mengeluarkan produk ICT yang _____ canggih tahun hadapan.
A nian B betul C paling D sekali
- 3 Reka bentuk telefon bimbit jenama Bagus itu _____ menarik dan menjadi pilihan pengguna terutamanya wanita.
A sekali B benar C betul D sangat
- 4 Televisyen jenama Sony menjadi pilihan pembeli kerana kualiti pancaran cahaya dan gambarnya yang _____ tajam dan menarik.
A sekali B nian C amat D benar
- 5 Komputer riba mudah dibawa ke mana-mana namun _____ sensitif, _____ komputer meja tahan lasak.
A benar ... dan B nian ... sambil C agak ... manakala D betul ... tetapi
- 6 **Pilih kata penguat** yang sesuai untuk melengkapi ayat di bawah.
Penciptaan kenderaan mesra alam atau *hybrid* mampu mengurangkan pencemaran udara kerana teknologi ini mengurangkan pelepasan asap kenderaan yang _____ berbahaya.
i. betul ii. benar iii. sangat iv. amat
A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

• Modul TEMATIK •

LATIHAN B

Tandakan (✓) bagi ayat yang **betul** dan (X) pada ayat yang **salah**.

- 1 Pameran teknologi itu mendapat sambutan yang meriah amat.
- 2 Karbon monoksida merupakan gas yang benar beracun dan membahayakan kesihatan.
- 3 Dhiya ialah seorang pelajar yang paling pandai sekali di kelasnya.
- 4 Keadaan di dalam gua itu gelap nian.
- 5 “Segar sungguh ikan-ikan di pasar ini,” kata ibu seraya memandang ayah.

TATABAHASA

KATA HUBUNG

LATIHAN A

Kesan kesalahan **kata hubung** dalam ayat-ayat di bawah dan gantikan dengan jawapan yang betul.

- 1 Sebelum menunggu hasil padinya boleh dituai, Haji Wahid mengisi masa terluangnya dengan menanam jagung di batas sawahnya.
- 2 Encik Zakaria masih bekerja ketika hari telah beransur senja.
- 3 Kehidupannya masih lagi melarat semenjak anak-anaknya berjawatan tinggi.
- 4 Pak Cik Abu telah membuat pagar di sekeliling kebun sayurnya sebelum sayur-sayurannya sering dimakan oleh kambing jirannya.
- 5 Perlawanan akhir bola jaring itu diteruskan sekiranya hujan mulai turun.

TATABAHASA

AYAT TUNGGAL & AYAT MAJMUK

LATIHAN A

Gabungkan ayat tunggal di bawah menjadi ayat majmuk.

1. a. Amir ke sekolah.
b. Abangnya menolong ayah di ladang.

2. a. Encik Aziz membeli sebidang tanah.
b. Tanah itu terletak di tepi tasik.

3. a. Fatini bermain badminton pada waktu petang.
b. Aiman bermain badminton pada waktu petang.

LATIHAN B

Cerakinkan ayat majmuk di bawah menjadi ayat tunggal.

- 1 Pak Mat memagar kebunnya supaya tanamannya tidak diragut oleh lembu.

- i.

- ii.

- 2 Ayah dan emak akan datang ke Majlis Restu Ilmu selepas mereka menutup kedai.

- i.

- ii.

- iii.

TATABAHASA

KATA SERU

LATIHAN A

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Wahai	Nah	Amboi	Aduhai	Ah
Aduh	Cis	Hai	Eh	Syabas

- _____, sudah lama kita tidak bersua selepas zaman persekolahan!
- _____, anak-anakku, belajarlah bersungguh-sungguh agar kehidupan kalian terjamin!
- _____, tidak ada gunanya kita menyokong dia lagi!
- _____, awak terpilih ke pertandingan akhir pertandingan pidato peringkat negeri!
- _____, malang sungguh nasibku! Sudahlah tayar basikal pancit, kasut pula terkoyak.

LATIHAN B

*Pilih jawapan yang **paling** sesuai.*

- A** Cis, lain kali datang lagi!

B Eh, kamu berdua rupanya!

C Nah, pandainya anak awak!

D Oh, ambil pensel kamu semula!
- A** Aduh, bila kamu balik!

B Nah, beratnya beg kamu ini!

C Amboi, masinnya gulai tempoyak ini!

D Wahai, cantiknya kamu berpakaian begini!
- A** Eh, sudah lama kita tidak berjumpa!

B Cis, kamu rupa-rupanya yang mengambil pensel aku!

C Amboi, kamu berjaya mendapat markah yang baik dalam peperiksaan Bahasa Melayu!

D Aduh, malangnya nasib pemuda yang ditimpa kemalangan di jalan raya itu!
- A** Wahai, kawan-kawan, mari kita ke kantin bersama-sama!

B Hai, merahnya baju awak!

C Ah, cubalah kek yang saya buat ini!

D Amboi, rupa-rupanya awak yang mencuri duit aku!

KEFAHAMAN

FAKTA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Baka yang baik:

- **kacukan** Khaki Champbell dari Thailand
- Taiwan
- Australia

Ciri-ciri baka penelur berkualiti:

- mempunyai daya hidup yang tinggi
- bebas dari kecacatan
- penghasilan telurnya antara 260 – 300 biji setahun
- berat antara 65 – 75 gm sebiji
- kulit telur adalah keras
- warna kuning telur kemerah-merahan
- Berat badan semasa bertelur di antara 1.3 – 1.8 kg
- ruang antara tulang punggung (pelvic) adalah luas.

Makanan komersil yang sesuai:

- Duck starter cumble 1-3 minggu
- Duck grower pellet 4-15 minggu
- Duck layer pellet 16 minggu- ke atas
- Seekor itik memerlukan makanan sebanyak 140-160 gm sehari.

Makanan:

- Pemakanan itik sangat penting bagi itik penelur kerana makanan yang tidak cukup akan membantutkan tumbesaran itik telur.
- Itik yang kurang makan akan lambat besar dan tidak bertelur pada jangkamasa yang dijangka.
- Jika diberi makanan secara berlebihan akan menyebabkan itik membesar dengan mendadak dan bertelur dengan cepat tetapi pengeluarannya akan menjadi rendah dan saiz telur akan menjadi kecil.
- Itik-itik yang bertelur awal akan cepat berhenti pengeluaran telurnya.
- Makanan itik perlulah ditimbang mengikut sukatan yang ditentukan.

Reban itik:

- mempunyai ciri-ciri peredaran udara yang baik untuk mengeringkan kelembapan dan menghapuskan gas amonia dari najis itik.
- saiz sesuai dengan jumlah itik yang dipelihara.
- berdinding sekurang-kurangnya 3 kaki dari paras lantai.
- beberapa buah pintu menghala ke kawasan lapang.

• Modul TEMATIK •

- 1 Antara berikut ciri-ciri baka penelur berkualiti *kecuali*
A bebas dari kecacatan. B daya hidup tinggi.
C ruang punggung luas. D berat 65 gm.
- 2 Makanan itik perlu ditimbang supaya
A itik akan selalu bertelur.
B itik dapat bertelur lebih awal.
C itik dapat makanan yang cukup dan telur berkualiti.
D itik membesar dengan mendadak dan cepat bertelur.
- 3 Perkataan **kacukan** sama maksud dengan _____.
- 4 Suaikan pernyataan di bawah berdasarkan petikan.

Saiz reban ikut jumlah itik yang dipelihara

Berat telur melebihi 75g sebiji

Warna putih telur kemerah-merahan

Duck grower pellet sesuai untuk makanan itik yang baru menetas.

BETUL

SALAH

- 5 Pada pendapat kamu, adakah penternakan itik sesuai dijalankan di kawasan bandar? Jelaskan.

[3 markah]

TATABAHASA

KATA PERINTAH

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “_____ ambil makanan yang terhidang di atas meja itu,” kata Sudin kepada kawan-kawannya.
A Sila B Harap C Minta D Tolong
- 2 “_____ perhatian murid-murid, bawa alatan melukis kamu pada hari esok,” kata Cikgu Shazlina.
A Usah B Jangan C Minta D Jemput
- 3 “_____ kalian dapat bersabar, persembahan akan bermula sebentar lagi,” kata pengacara majlis.
A Usah B Tolong C Harap D Jangan
- 4 “_____ percaya akan khabar angin yang belum tentu sahah kebenarannya itu,” kata Tok Sidang kepada anak buahnya.
A Sila B Tolong C Minta D Jangan
- 5 “_____ ganggu kawan kamu yang sedang mengulang kaji pelajaran di dalam kelas itu,” nasihat Cikgu Azrie kepada murid-muridnya.
A Minta B Tolong C Harap D Jangan
- 6 “_____ catatkan nama murid-murid yang selalu datang lambat ke sekolah,” kata guru disiplin kepada beberapa orang pengawas.
A Usah B Tolong C Minta D Jemput
- 7 “_____ bubuh garam banyak sangat ke dalam bubur kacang itu, secubit sahaja sudah cukup,” pesan emak mengingatkan kakak.
A Sila B Harap C Minta D Jangan

LATIHAN B

Tandakan (✓) bagi penggunaan Kata Perintah yang betul dalam ayat di bawah.

- 1 “_____ letakkan buku yang telah dibaca ke tempat asal di sudut bacaan itu,” kata Haikal kepada kawan-kawannya.

Sila	☐
------	--------------------------

Tolong	☐
--------	--------------------------

Jangan	☐
--------	--------------------------
- 2 Kata Cikgu Teoh kepada murid-murid Tahun Enam Sarjana, “_____ pijak rumput yang ditanam di sekitar taman mini Sains itu.”

Minta	☐
-------	--------------------------

Tolong	☐
--------	--------------------------

Jangan	☐
--------	--------------------------
- 3 “_____ catatkan nama murid-murid yang terpilih sebagai pemain ragbi sekolah,” kata Cikgu Afifi kepada Muhammad Farhan Mazlan.

Minta	☐
-------	--------------------------

Tolong	☐
--------	--------------------------

Jemput	☐
--------	--------------------------

● Modul TEMATIK ●

- 4 “_____ para hadirin mengambil tempat masing-masing kerana tetamu kehormat kita akan sampai sebentar lagi,” kata juruacara.

Usah	
------	--

Minta	
-------	--

Tolong	
--------	--

TATABAHASA

KATA TANYA

LATIHAN A

Suaikan ayat di bawah sama ada **BETUL** atau **SALAH**.

Siapakah yang meragut rumput di padang itu?

BETUL

Ke manakah abang Subri akan melanjutkan pelajarannya selepas ini?

Apakah yang dibuat oleh adik di dalam biliknya?

SALAH

Budak berbaju merah itu anak siapa?

LATIHAN B

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ orangkah yang akan menyertai rombongan ke Johor esok ?
 A Berapa B Siapa C Bila D Apa
- 2 _____ kita tidak dibenarkan masuk ke kawasan itu ?
 A Bilakah B Mengapakah C Siapakah D Bagaimanakah
- 3 _____ perasaan kamu apabila mendapat 6A dalam UPSR ?
 A Siapakah B Bagaimanakah C Mengapakah D Apakah
- 4 _____ semua murid berkumpul di kantin pada waktu pagi ?
 A Bilakah B Mengapakah C Berapakah D Bagaimanakah
- 5 **Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.**
 Mengapakah kaki kamu terseliuh ?
 A Saya tidak nampak lantai itu licin.
 B Saya tergelincir di bilik mandi.
 C Saya berlari keliling padang.
 D Saya kurang memberikan perhatian.

• Modul TEMATIK •

- 6 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.
Mengapakah kanak-kanak tidak dibenarkan mandi di sungai itu?
- A Arus sungai itu sangat deras.
 - B Tidak ramai orang mandi-manda di situ.
 - C Sebuah kilang didirikan di tepi sungai itu.
 - D Sungai itu sangat cetek dan berpasir.
- 7 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan di bawah.
Pengusaha kain batik itu sentiasa memberikan layanan mesra kepada pelanggannya.
- A Bilakah pengusaha kain batik itu membuat pelanggannya berasa puas hati?
 - B Bagaimanakah pengusaha kain batik itu menjaga hati pelanggannya?
 - C Mengapakah pengusaha kain batik itu mengutamakan pelanggannya?
 - D Siapakah yang dilayan oleh pengusaha restoran itu?

TATABAHASA

SINONIM (*Perkataan Seerti*)

LATIHAN A

Padankan perkataan seerti (sinonim) yang sesuai bagi perkataan bergaris dalam ayat.

1	Imran <u>memakai</u> tali pinggang keledar ketika menaiki kereta.	mengikuti
2	Guru disiplin sering <u>mengingatkan</u> murid-murid tidak bertolak-tolak ketika menuruni tangga.	mengenakan
3	Semua pengguna jalan raya mesti <u>mematuhi</u> papan tanda dan penanda jalan.	menasihatkan
4	Jangan <u>sentuh</u> suis lampu jika tangan basah.	pegang

LATIHAN B

Pilih perkataan sinonim yang **paling sesuai** untuk digantikan pada perkataan yang bergaris dalam petikan yang diberikan.

dingin	lalai	santai	prihatin
sesak	bersiap sedia	hangat	berhati-hati

Banyak orang suka pergi ke pasar untuk membeli barang-barang dapur. Malangnya, mereka tidak peka (_____) akan keselamatan di pasar.

Antara tempat yang perlu diberikan perhatian oleh pengunjung pasar termasuklah tempat letak kenderaan. Sikap cuai (_____) pengunjung yang tidak mengunci kenderaan dapat

• Modul TEMATIK •

mengundang bahaya. Pencuri mudah mengambil kesempatan di tempat yang sibuk (_____) seperti ini.

Di samping itu, peniaga selalunya memasang payung untuk melindungi barang-barang daripada cuaca panas (_____). Kadangkala kaki payung itu tidak dipasang dengan kemas. Ada pengunjung yang tersepak kaki payung lalu tercedera. Oleh itu, pengunjung harus berwaspada (_____).

LATIHAN C

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kaki adik tercucuk paku kerana dia tidak memakai kasut ketika bermain.
Pilih perkataan sinonim bagi tercucuk
A terkena B terpalit C tertusuk D terjerat
- 2 Semakin kurang pendapatannya, menjadi semakin sempit kehidupannya.
Pilih perkataan sinonim bagi sempit
A lapang B kaya C senang D susah
- 3 Ayah memandu kereta ke Cameron Highlands dengan berhati-hati kerana jalannya sempit dan bengkok-bengkok.
Pilih perkataan sinonim bagi berhati-hati
A berjaga-jaga B berlapang-lapang C bersenang-senang D berangan-angan
- 4 “Tolong alihkan kerusi plastik itu ke tepi,” kata Swee Ting kepada adiknya.
Pilih perkataan sinonim bagi alihkan
A ubahkan B gantikan C tukarkan D buangkan
- 5 *Pilih padanan yang betul bagi perkataan seerti dalam ayat di bawah .*
 - i. Jurulatih bola sepak sekolah itu menasihati para pemainnya supaya jangan bermain kasar sebaliknya bermain dalam semangat kesukanan. (mengingatkan)
 - ii. Pemandu pelancong memastikan pelawat yang menaiki bot memakai jaket keselamatan. (memanjat)
 - iii. “Basikal mesti mempunyai brek dan lampu yang berfungsi,” tegas guru disiplin dalam ucapannya. (berguna)
 - iv. Hamzah mengutip kaca gelas yang bertaburan di atas lantai dengan berwaspada. (berselerakan)

A i dan ii B ii dan iii C iii dan iv D i dan iv

KEFAHAMAN

CERITA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Di Kampung Permai terdapat sebuah kedai runcit. Kedai runcit tersebut dimiliki oleh Encik Wahab, seorang bekas perajurit yang telah bersara pada tahun 2003. Dua tahun selepas bersara, beliau mula menjalankan perniagaannya sehingga sekarang.

Harga barang-barang yang dijual oleh Encik Wahab amat berpatutan. Oleh itu, kebanyakan penduduk kampung suka membeli-belah di kedai runcitnya. Mereka jarang-jarang menawar harga barangan di situ. Sekiranya ada pelanggan yang meminta Encik Wahab mengurangkan harga sesuatu barang, beliau akan memenuhi permintaannya.

Encik Wahab mempunyai dua orang pembantu, iaitu Encik Arifin dan Encik Rahman. Mereka berdua berasal dari Kampung Maju. Isteri Encik Wahab seorang suri rumahtangga. Walau bagaimanapun, kadang-kadang dia terpaksa menolong suaminya di kedai, terutama semasa menjelang Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji kerana ramai pelanggan.

Encik Wahab memiliki sebuah van. Jika ada pelanggan yang tidak dapat membawa pulang barang-barang yang mereka beli kerana terlalu berat, maka Encik Wahab akan menyuruh Encik Rahman menghantar barang-barang tersebut ke rumah mereka dengan vannya. Pelanggan-pelanggannya berpuas hati kerana mendapat layanan yang sungguh baik daripada Encik Wahab.

- 1 Apakah pekerjaan Encik Wahab sebelum dia bersara?
A polis B askar C bomba D peniaga
- 2 Mengapakah isteri Encik Wahab terpaksa menolong suaminya menjelang hari raya?

[2 markah]

- 3 Pada pendapat kamu, selain harga yang berpatutan, apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan kebanyakan penduduk kampung suka membeli-belah di kedai Encik Wahab?

[3 markah]

TATABAHASA

PENGIMBUHAN

LATIHAN A

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisikan pada tempat kosong dalam ayat yang diberikan.

pramugari	sasterawan	tatabahasa	tatacara
maharaja	prakata	wartawan	mahaguru

- 1 Para penumpang sedang dilayan dengan mesra oleh _____ yang bertugas.
- 2 Menteri itu diserbu oleh _____ sebaik-baik sahaja beliau keluar dari balai ketibaan.
- 3 Mereka terpegun apabila melihat koleksi barangan _____ Cina semasa zaman Dinasti Ming itu dipamerkan.
- 4 Koleksi puisi itu dinukilkan oleh sekumpulan _____ yang dikumpulkan dari seluruh negara.
- 5 Penggunaan _____ yang betul amat penting dalam penulisan agar murid-murid mendapat keputusan yang cemerlang.

LATIHAN B

Letakkan **imbuhan sisipan** yang paling sesuai pada perkataan bergaris dalam ayat.

1	Mereka berlatih bermain bola baling di <u>ganggang</u> serba guna.	
2	Kulitnya yang baru sembuh daripada kudis diselaputi <u>kuping</u> .	
3	<u>Gigi</u> pada pisau itu memudahkan saya untuk memotong roti.	
4	Semua pengikut kumpulan ajaran sesat itu mengikut <u>tunjuk</u> ketuanya sahaja.	
5	<u>Kelut</u> politik yang melanda negeri Perak melibatkan pihak istana.	

LATIHAN C

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Murid-murid dinasihatkan supaya _____ aktiviti yang tidak sihat.
A menjauh **B** menjauhkan **C** menjauhi **D** berjauhan
- 2 Dato' A. Samad Said ialah _____ anugerah yang pernah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara.
A penerimaan **B** diterima **C** menerima **D** penerima

• Modul TEMATIK •

- 3 Sally tidur _____ gebar yang tebal kerana cuaca terlalu sejuk pada malam itu.
A diselimutkan **B** menyelimuti **C** menyelimutkan **D** berselimutkan
- 4 Shafinaz _____ kesejukan ketika keluar dari kolam renang.
A menggeletak **B** menggelepar **C** menggeletar **D** menggelupur
- 5 Cita-cita Amir hendak menjadi pengurus di syarikat itu tidak _____ kerana dia tidak fasih berbahasa Inggeris.
A menyampai **B** kesampaian **C** menyampaikan **D** disampaikan

LATIHAN D

Padankan pernyataan di bawah berdasarkan ayat yang menggunakan perkataan bergaris yang tepat.

Beberapa orang mahasiswa tahun akhir Universiti Utara Malaysia terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan.

BETUL

Allahyarham Sudirman merupakan seorang biduan negara yang sering perjuangan seni sejak di kampus lagi.

Gejala sosial dalam kalangan remaja dapat dielakkan jika mereka diasuh dengan amalan yang baik sejak kecil.

SALAH

Mahaguru Jepun dijangka mengadakan lawatan ke negara-negara Asean pada bulan hadapan.

LATIHAN E

Kesan perkataan yang salah penggunaan imbuhan. Kemudian, tulis perkataan yang betul dalam ruang disediakan.

1	Penerbangan kapal terbang jet F15 yang canggih itu baru berusia dua puluh dua tahun.	
2	Ciptaan sains dan teknologi dapat membantu berjimat masa dan tenaga.	
3	Komputer riba itu mendapat peminta yang luar biasa daripada pembeli.	
4	Usaha pengklonan nangka madu itu mula pertunjukan hasil yang memberangsangkan.	
5	Minggu Kesedaran Sains itu dianjurkan agar murid-murid dapat disemai semangat cinta akan pengetahuan.	

TATABAHASA

KATA GANTI NAMA DIRI

LATIHAN A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “_____ amat kagum sekali dengan persembahan Tarian Asyik daripada dayang-dayang istana,” puji Sultan Sallehuddin kepada ketua dayang istana itu.
A Beta B Hamba C Patik D Kita
- 2 “Sampaikan ucapan terima kasih mak cik kepada ibu _____ atas pemberian kuih cincin ini,” kata Puan Kumari sebelum Ivan berlalu dengan menunggang basikal.
A anda B kalian C nya D kamu
- 3 Kehidupan _____ sekeluarga semakin selesa setelah ukiran kayu Pak Mat mula mendapat tempahan daripada peminat seni ukiran kayu dari dalam dan luar negara.
A dia B nya C mereka D beliau
- 4 “Dengan adanya keris Taming Sari ini, _____ akan berusaha sedaya upaya untuk menumpaskan lanun yang semakin bermaharajalela di perairan Melaka ini, _____,” sembah Laksamana Hang Tuah.
A hamba ... tuanku B patik ... tuanku
C patik ... tuan hamba D beta ... tuanku
- 5 “_____ datang ke negeri _____ ini adalah bertujuan untuk merapatkan kembali hubungan yang renggang pada masa lalu,” titah Sultan Mahmud kepada Sultan Iskandar.
A Hamba.....tuanku B Beta.....tuan hamba
C Beta.....tuanku D Hamba.....tuan hamba
- 6 “_____ harus berusaha lagi untuk mempertahankan kemenangan pada malam ini,” kata Pengurus Kumpulan Dikir Barat Sri Warisan kepada ketua pasukan dan anak-anak buahnya.
i. Kita
ii. Kamu
iii. Kami
iv. Kalian
A i dan ii B iii dan iv C ii dan iii D i dan iv
